

01 MAY 1999

ADA KRONI BEKAS PEMIMPIN NEGARA PUNYAI SIMPANAN RM230 JUTA

JITRA, 1 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan terdapat kroni seorang bekas pemimpin negara yang mempunyai wang simpanan berjumlah RM230 juta.

"Bekas pemimpin itu bila ada kuasa dia bagi kawan-kawan dia jadi jutawan hingga boleh mengelilingi dunia dan hidup mewah berbulan-bulan di luar negara," katanya ketika merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu di sini.

Mereka juga menggunakan wang untuk mengupah perusuh-perusuh, katanya.

"Dari mana mereka dapat wang itu," tanyanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir tidak menamakan pihak-pihak yang terbabit.

Beliau berkata demikian ketika menafikan dakwaan kononnya Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob mempunyai simpanan RM40 juta di Bank of Israel.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata beliau tidak boleh mendedahkan identiti kroni-kroni itu.

-- BERNAMA

JM/MAN/jm zb